

Awer minta kerajaan kurangkan bayaran kapasiti IPP

KUALA LUMPUR 3 Okt. - Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (Awer) meminta kerajaan mengurangkan bayaran kapasiti pengeluaran tenaga bebas (IPP) mulai tahun depan.

Presidennya, Piarapakaran S. berkata, bayaran kapasiti mestilah didasarkan kepada kos operasi beraudit, laporan kejuruteraan dan margin keuntungan terkawal, dan ini haruslah merupakan satu proses yang telus.

"Jika IPP bersetuju dengannya, lanjutan operasi boleh diberikan hanya melalui satu rejim pelesenan. Jika IPP tidak bersetuju dengan model cadangan yang dirunding semula itu, perjanjian pembelian kuasa (PPA) haruslah ditamatkan apabila tiba masanya," kata beliau dalam satu kenyataan hari ini. - Bernama

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1003&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_22.htm